



Kementerian Perdagangan Dalam Negeri
dan Kos Sara Hidup



PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA
INTELLECTUAL PROPERTY CORPORATION OF MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

PROGRAM MyIPO DI HATI: 200 PELAJAR SEKITAR PULAI TERIMA SUMBANGAN PERSEDIAAN PERSEKOLAHAN

PULAI, 1 FEBRUARI 2025 – Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) hari ini mengadakan program penyampaian sumbangan kepada 200 pelajar sekitar Pulai bagi persiapan sesi persekolahan akan datang. Program yang dikenali sebagai MyIPO Di Hati ini diadakan di Masjid Taman Pulai Indah, Johor. Program ini merupakan salah satu inisiatif tanggungjawab sosial korporat (CSR) MyIPO bertujuan menyalurkan bantuan kepada golongan yang memerlukan, khususnya asnaf, sambil memperluaskan kesedaran tentang kepentingan perlindungan harta intelek dalam masyarakat.

Sumbangan berjumlah RM30,000.00 berupa barangan dan wang tunai diserahkan kepada pelajar sekolah rendah dan menengah dengan setiap pelajar menerima set lengkap alat tulis dan wang tunai. Sumbangan disampaikan Pengerusi MyIPO Ts. Dr. Mohd Zuhan Mohd Zain yang turut menyampaikan sumbangan RM10 ribu bagi baik pulih Masjid Taman Pulai Indah.

MyIPO turut menyediakan kemudahan kaunter bergerak (*IP Mobile*) bagi membolehkan masyarakat setempat mendapatkan maklumat dan perkhidmatan berkenaan pendaftaran harta intelek. Inisiatif ini bertujuan memudahkan urusan berkaitan hak harta intelek, sekali gus membantu memperkasa individu dan komuniti dalam aspek inovasi dan pembangunan ekonomi.

Setakat ini Program MyIPO di Hati telah menyumbang hampir RM1 juta kepada komuniti seluruh negara sejak ia diperkenalkan. Sumbangan ini bukan sahaja tertumpu kepada golongan asnaf, tetapi juga melibatkan baik pulih masjid dan surau serta peningkatan kemudahan pendidikan seperti padang sekolah.

Inisiatif ini selaras dengan usaha MyIPO untuk menyumbang kepada pembangunan sosio-ekonomi negara. Program ini juga membuktikan keprihatinan MyIPO dalam memberikan manfaat kepada komuniti, khususnya di kawasan yang memerlukan perhatian.

Hadir sama, Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) MyIPO, Sheikh Arifin Sheikh Mohd Noor, dan Pengerusi Masjid Taman Pulau Indah, Alpian Hj. Jamid.

TAMAT

Untuk maklumat lanjut mengenai kenyataan media, sila hubungi:

ENCIK AKHTAR BIN SAHARI
Ketua Komunikasi Korporat
T: 012-6725667
E: akhtar@myipo.gov.my

CIK EMELIADIANA BINTI ALAWI
Pengawai Komunikasi Korporat
T: 011-19815143
E: emeliadiana@myipo.gov.my

Perbadanan Harta Intelek Malaysia,
Menara MyIPO, PJ Sentral,
Lot 12, Persiaran Barat, Seksyen 52,
46200 Petaling Jaya, Selangor.
Tel : 603 – 7496 8900
Emel : ipmalaysia@myipo.gov.my
Laman web : <http://www.myipo.gov.my>

PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA (MyIPO)

MyIPO merupakan sebuah agensi di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) bertanggungjawab untuk pembangunan dan pentadbiran sistem hak harta intelek (IPR) di Malaysia. MyIPO menyediakan infrastruktur perundangan yang kukuh dan sistem pentadbiran yang berkesan untuk meningkatkan inovasi dan kreativiti.